

STPM Kertas 1 2017:

Soalan 3

- (a) Nyatakan tiga kelebihan pembiayaan melalui instrumen hutang berbanding dengan pembiayaan melalui terbitan saham. (3 markah)
- (b) Nyatakan tiga kelebihan perniagaan jenis keempunyaan tunggal berbanding dengan perniagaan jenis perkongsian. (3 markah)
- (c) Urus niaga yang melibatkan liabiliti Syarikat Kemasan Berhad sepanjang tahun 2015 adalah seperti yang berikut:
- (1) Pada 1 Januari 2015, syarikat telah membeli barang niaga secara kredit berjumlah RM50,000 daripada Syarikat One World Sdn Bhd. Amaun itu perlu dijelaskan dalam masa 30 hari. Syarikat mengamalkan sistem inventori berterusan.
 - (2) Pada 30 Januari 2015, syarikat mengeluarkan nota belum bayar berkadar faedah 5% kepada Syarikat One World Sdn Bhd bagi menggantikan akaun belum bayar yang diwujudkan pada 1 Januari 2015. Nota belum bayar itu akan matang dalam masa 90 hari.
 - (3) Pada 1 April 2015, syarikat membuat pinjaman sebanyak RM200,000 di Bank Pertama Berhad untuk membiayai sebahagian kos belian sebuah bangunan kilang. Syarat pinjaman itu menyatakan bahawa bayaran balik pinjaman hendaklah dilakukan secara ansuran pada setiap akhir tempoh enam bulan sebanyak RM50,000. Kadar faedah atas pinjaman itu menggunakan kaedah kadar tetap sebanyak 8% setahun.
 - (4) Pada 2 April 2015, syarikat membeli bangunan kilang dengan harga RM500,000. Bayaran guaman dan kos pindah milik aset ialah RM5,000. Semua perbelanjaan ini dibayar secara tunai.
 - (5) Pada 30 April 2015, syarikat membeli perabot di Perniagaan Perabot Kelang dengan harga RM30,000 dengan mengeluarkan nota tiga bulan pada kadar faedah 7% setahun.
 - (6) Pada 1 Mei 2015, nota yang dikeluarkan kepada Syarikat One World Sdn Bhd telah matang.
 - (7) Pada 1 Ogos 2015, nota yang dikeluarkan kepada Perniagaan Perabot Kelang telah matang.
 - (8) Pada 1 Oktober 2015, syarikat membuat bayaran pinjaman ansuran yang pertama kepada Bank Pertama Berhad bersama dengan faedahnya sekali.
 - (9) Pada 31 Disember 2015, syarikat mengakrakan belanja faedah atas pinjaman daripada Bank Pertama Berhad.

Dikehendaki:

Sediakan catatan jurnal bagi merekod semua urus niaga di atas.

(14 markah)